

## KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 4/11/2020

DIBACA PADA: 6/11/2020

DILULUSKAN OLEH: \_\_\_\_\_



BAHARUDDIN HJ. ALWI  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

حَبِّاتُ خَيْرٍ مِّنْ لِّجَوَابِ الرَّكْعَاتِ الْأُولَىٰ وَالسَّلَامُ كَمَا كُنْتُمْ

# KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

20 RABIULAWAL 1442H/ 06 NOVEMBER 2020

## ISLAM & ARUS KEMODENAN

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali**.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَى قَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَأَنَّ

اللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٥٣﴾

(Surah an-Anfaal, ayat 53)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، يَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini diberkati di dunia dan di akhirat.

### **MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Islam adalah ajaran yang syumul merangkumi segala aspek kehidupan. Islam menggariskan segala bentuk panduan untuk diikuti dan dipatuhi oleh umat manusia. Walau bagaimanapun, dengan segala bentuk kepatuhan kepada Sang Pencipta, islam juga sangat meraikan perkembangan pemikiran dan ideologi bersesuaian dengan acuan syarak.

Ajaran islam adalah ajaran yang sangat meraikan akal fikiran, kerana dengan anugerah *akallah* manusia dikategorikan sebagai sebaik-baik ciptaan. Allah SWT berfirman dalam Surah at-Tin ayat 4;

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya*”.

Maka, dengan kurniaan akal fikiran inilah membezakan manusia dengan ciptaan Allah yang lain seperti binatang. Binatang adalah ciptaan Allah SWT yang tidak dikurniakan akal fikiran dengan sebab itulah kita dapat melihat bagaimana tingkah laku seekor binatang yang sangat jauh dengan pertimbangan akal fikiran. Berbeza dengan manusia, manusia diberikan taklifan untuk menjadi hamba Allah SWT yang melaksanakan

segala amal kebaikan dan menjauhi segala perkara yang keji kerana dengan kurniaan akal inilah manusia boleh membezakan perkara yang baik dan perkara yang tidak baik.

### **JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Fenomena global merujuk kepada kemodenan dan frasa maklumat dihujung jari sering menjadi perbincangan para ilmuwan. Dengan ledakan kapasiti maklumat yang bercampur aduk diantara kesahihannya dan keraguannya, kita sebagai umat Islam perlu menilai dari kacamata atau perspektif yang digariskan oleh syara'. Dengan kepesatan pembangunan teknologi ini boleh diibaratkan seperti sebilah pisau yang boleh bermanfaat dan dalam masa yang sama juga boleh membawa kemudharatan..

Allah SWT menciptakan manusia di muka bumi untuk menjadi khalifah sekaligus memakmurkan apa yang ada di muka bumi dengan membangunkan sesebuah Negara samada dari segi pembangunan infrastruktur mahupun pembangunan modal insan. Perkara-perkara ini saling berkaitan dengan kepesatan pembangunan teknologi juga kemodenan. Perkara ini termasuk dalam tanggungjawab manusia untuk memastikan pembangunan sentiasa menjadi keutamaan. Allah SWT berfirman dalam surah Hud ayat 61 yang bermaksud: *“Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka: Nabi Salleh. Ia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dialah yang telah menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya.”*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,**

Agama Islam dan arus kemodenan dan tidak pernah mengeneipkan kebolehan akal fikiran dalam melaksanakan sesuatu pembangunan. Akan tetapi perlu diingatkan, ajaran Islam mengajarkan kepada umatnya untuk bersedia dalam pelbagai hal dan keadaan. Sebagai contoh, individu muslim perlu persiapkan diri dari segi rohani dan intelektual dengan melengkapkan ilmu sebenar dalam upaya membangunkan sesebuah Negara. Para cendekiawan Islam sangat berpesan mengenai kepentingan ilmu dalam tadbir urus sesuatu perkara. Antaranya Imam As-Syafie pernah mengungkapkan yang dinukil oleh Imam Nawawi dalam muqaddimah *“al-Majmu’ ”*, katanya:

“Barangsiapa yang menginginkan dunia maka hendaklah dengan ilmu, barangsiapa yang menginginkan akhirat, maka hendaklah dengan ilmu, barangsiapa yang menginginkan keduanya, maka hendaklah dengan ilmu”.

Disamping itu, usaha memakmurkan kehidupan di dunia ini hendaklah tujuan utamanya bagi meraih kebahagiaan kehidupan di akhirat. Ini kerana sebagai seorang muslim sejati, kita menumpukan seluruh kehidupan bagi meraih “*mardhatillah*” itulah kebahagiaan hakiki.

Maka dengan menumpukan syarat-syarat dan tujuan utama seperti yang dinyatakan tadi, sudah tentu umat Islam akan meraih keberhasilan dalam melonjakkan usaha memakmurkan dunia sesuai dengan acuan syara'. Justeru itu Islam tidak akan difitnah serta dilabel sebagai ajaran yang konservatif mahupun kolot yang menolak kemodenan. Walhal, islam itu adalah agama yang syumul dan meraikan segala bentuk pembangunan yang membawa kepada kemakmuran dan kebahagiaan hidup seperti firman Allah SWT dalam surah al-A'raaf, ayat 10:

وَلَقَدْ مَكَّنَّاكُمْ فِي الْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعِيشَةً قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿١٠﴾

**Maksudnya:** “Dan sesungguhnya Kami telah menetapkan kamu (dan memberi kuasa) di bumi, dan Kami jadikan untuk kamu padanya (berbagai jalan) penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.”

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## تیکس خطبه جمعة کدوا (4)

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ  
تَسْلِيمًا كَثِيرًا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

أَمَّا بَعْدُ: يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

امين امين يا رب العالمين،

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمَلَ بِعَيْنَيْكَ إِلَى فَحَامَةِ  
الرَّيْسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْتَرَاوَتَامِ يَغْدَقْرَتُوا نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ  
أَمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ

مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ . اللَّهُمَّ أَنْصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ  
الدِّينِ وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَكُلَّ مَنْ هُوَ عَدُوٌّ لِلدِّينِ .

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَأَوْلِيَاءَ أُمُورِهِمْ بِالصَّلَاحِ وَالْإِعَانَةِ عَلَى الْحَقِّ وَالْقِيَامِ بِالْعَدْلِ ، وَأَنْصُرْ  
جُيُوشَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤَحِّدِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ لِإِعْلَاءِ كَلِمَتِكَ ، إِنَّكَ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ ، رَبَّنَا  
هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ، رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .